

# Melaka negeri pertama labuh tukun mesra alam

Mohd Faiz Abu Hasan

**TELOK MAS** - Sebanyak 20 tukun inovasi dengan ciri mesra alam dilabuhkan di perairan Telok Mas sebagai usaha meningkatkan hasil tangkapan nelayan dan memulihara ekosistem marin.

Exco Sains, Teknologi, Inovasi dan Komunikasi Digital negeri, Datuk Fairul Nizam Roslan berkata, inovasi dihasilkan SIRIM Berhad menggunakan bahan campuran seramik dan konkrit merupakan program Inisiatif Inovasi Sosial (MyIS Komuniti) membawa manfaat kepada golongan nelayan di perairan itu.

Menurutnya, Melaka menjadi lokasi pertama dipilih tahun ini bagi pelaksanaan dua inisiatif membabitkan kerjasama Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM).

"Menerusi program diadakan kali ini sebanyak RM160,500 diperuntukkan oleh Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) di bawah Kementerian Sains, Teknologi & Inovasi (MOSTI) bagi merealisasikan pembangunan tukun inovasi.

"Sifat bahan seramik yang 'inert' atau neutral tidak mudah bertindak balas dengan persekitaran yang tidak akan menjejaskan ekosistem marin, malahan dapat membantu menarik pengumpulan dan pembiakan ikan di persekitaran.

"Mewakili Kerajaan Negeri saya mengu-

"Menerusi program diadakan kali ini sebanyak RM160,500 diperuntukkan oleh Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) di bawah Kementerian Sains, Teknologi & Inovasi (MOSTI) bagi merealisasikan pembangunan tukun inovasi"

capkan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam inisiatif ini dalam membantu meningkatkan populasi hidupan laut yang membawa manfaat kepada golongan nelayan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Majlis Penyerahan Projek Tukun Inovasi: Bahan Mesra Alam, Program Inovasi Sosial (MyIS) diadakan di Jeti Pengkalan Nelayan Umbai, di sini, 22 Ogos lalu.

Hadir sama, Ketua Pegawai Teknologi SIRIM, Dr. Muhammad Izzal Ismail; Naib Presiden YIM, Nur Fadzlina Mahamad Radzi serta tetamu lain.

Dalam pada itu, Fairul Nizam berkata, Kerajaan Negeri menyokong penuh usaha SIRIM yang melaksanakan pelbagai inovasi membawa manfaat kepada rakyat.

"Kita berharap semoga usaha seperti ini berterusan dan dapat diperluaskan ke beberapa lagi perairan Melaka," katanya.



FAIRUL Nizam diiringi Dr. Muhammad Izzal memeriksa tukun inovasi sebelum dilabuhkan di perairan Telok Mas.